Memahami Program Bandar Selamat di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif

Editor:

Nadiyanti Mat Nayan[1], Nor Eeda Hj Ali[2], Siti Rasidah Md Sakip[3]

Email:

nadiy028@uitm.edu.my[1], noree038@perak.uitm.edu.my[2], sitir704@uitm.edu.my[3]

Abstrak:

Apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan bandar yang selamat? Dalam era pembangunan pesat, persekitaran bandar bukan sahaja perlu selamat, malah inklusif dan mesra pengguna. Rasa selamat tidak harus ditakrifkan semata-mata melalui kadar jenayah atau rondaan polis, tetapi melalui keupayaan bandar mewujudkan ruang di mana setiap individu berasa dilindungi, didengari dan dihargai. MEMAHAMI PROGRAM BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN KUALITATIF mengetengahkan kepentingan suara komuniti setempat dalam membentuk persekitaran bandar yang benar-benar selamat dan berdayahuni.

Melalui kaedah penyelidikan kualitatif seperti temu bual mendalam, perbincangan kumpulan berfokus, pemerhatian kawasan blackspot dan sesi town hall, buku ini menekankan bahawa Program Bandar Selamat tidak boleh bersifat one-size-fit-all. Sebaliknya, ia perlu dibangunkan berdasarkan keperluan dan pengalaman unik setiap komuniti, dengan menggabungkan pendekatan top-down dan bottom-up bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya.

Buku ini turut menawarkan pandangan praktikal kepada pihak berkuasa tempatan, penyelidik dan penggubal dasar dalam mengadaptasi kaedah kualitatif untuk memahami faktor sosial, persekitaran dan psikologi yang membentuk persepsi keselamatan masyarakat. Dengan menggalakkan pemikiran di luar pendekatan konvensional, buku ini menegaskan bahawa bandar yang selamat hanya dapat direalisasikan apabila empati, kolaborasi dan kesaksamaan dijadikan teras perancangan bandar. Justeru, MEMAHAMI PROGRAM BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN KUALITATIF memberi inspirasi dalam memikirkan semula reka bentuk bandar yang bukan sahaja selamat dari segi konsep, tetapi juga diamalkan, beridentiti setempat, serta menyokong kesejahteraan sosial dan psikologi semua golongan masyarakat.

Kata kunci: Bandar, pendekatan kualitatif, masyarakat, selamat.

Editor
Nadiyanti Mat Nayan
Nor Eeda Hj Ali
Siti Rasidah Md Sakip

Memahami Program BANDAR SELAMAT

di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif

Memahami Program Bandar Selamat di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif



Memahami Program

BANDAR SELAMAT

di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 1 20-Feb-26 9:08:47 AM

Editor
Nadiyanti Mat Nayan
Nor Eeda Hj Ali
Siti Rasidah Md Sakip

Memahami Program

BANDAR SELAMAT

di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:
Nadiyanti Mat Nayan
Nor Eeda Hj Ali
Siti Rasidah Md Sakip

Diterbit & dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529

Laman web: http://penerbit.uthm.edu.my
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
http://e-bookstore.uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
ATTIN PRESS SDN. BHD. (595562-M)
No 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-8939 0660
Email: attinpress@gmail.com

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-280-0

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 4 20-Feb-26 9:08:49 AM

ISI KANDUNGAN

Senarai Jadual		*vii*
Senarai Rajah		*ix*
Senarai Foto		*xi*
Senarai Singkatan		*xiii*
Prakata		*xvii*
Penghargaan		*xix*
BAB 1	Pengenalan: Memahami Pendekatan Bandar Selamat	1
BAB 2	Asas Teoritikal Bandar Selamat dalam Konteks Malaysia	17
BAB 3	Instrumen dan Pemilihan Sampel	37
BAB 4	Kaedah Analisis Data Kualitatif bagi Kajian Bandar Selamat	111
BAB 5	Rumusan	139
Bibliografi		*143*
Biografi		*145*
Indeks		*149*

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 5 20-Feb-26 9:08:49 AM

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Jumlah Responden Mengikut Agensi	48
Jadual 3.2	Jumlah Responden Mengikut Zon dan Pihak Berkuasa Tempatan	50
Jadual 3.3	Responden Pihak Berkuasa Tempatan Mengikut Zon	64
Jadual 3.4	Responden Ibu Pejabat Polis Daerah Mengikut Zon	70
Jadual 3.5	Kawasan Pemerhatian *Blackspot* bagi setiap Zon dari Tahun 2017-2022	77
Jadual 3.6	Senarai semak borang pemerhatian kawasan blackspot bagi kawasan pentadbiran PBT di setiap Zon	83
Jadual 3.7	Penilaian bagi Elemen 1, Elemen 2, Elemen 3, Elemen 4 dan Elemen 5 dalam Strategi 1: Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal	90
Jadual 3.8	Maklumbalas Peserta terhadap Keberkesanan Program Bandar Selamat	94
Jadual 3.9	Maklumbalas Peserta terhadap Amalan Terbaik Program Bandar Selamat	97
Jadual 3.10	Maklumbalas Peserta terhadap Penambahbaikan Program Bandar Selamat	102

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 7 20-Feb-26 9:08:49 AM

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Pemetaan Lima Belas Langkah dan Tiga Strategi Utama di dalam Buku Program Bandar Selamat dalam Memperkasakan Konsep ini di Malaysia	3
Rajah 1.2	Kerangka Takrifan MADANI	4
Rajah 1.3	Antara Kaedah Kajian Kualitatif yang Boleh Dipraktikkan bagi Penyelidikan berasaskan Bandar Selamat di Malaysia	6
Rajah 2.1	Tiga Dimensi Utama bagi Kajian Bandar Selamat di Malaysia	18
Rajah 2.2	Antara Teori yang Boleh Diterapkan dalam Kajian Bandar Selamat di Malaysia	21
Rajah 3.1	PBT di Malaysia yang Menerima Peruntukan PBS	38
Rajah 3.2	Empat Kaedah Pengumpulan Data Kualitatif Kajian	38
Rajah 3.3	Tiga Strategi Utama dalam Pengumpulan Data	39
Rajah 3.4	*Funnel Technique* yang diaplikasi dalam IDI	42
Rajah 3.5	Instrumen yang Diguna pakai dalam Temu Bual Mendalam	43
Rajah 3.6	Pemilihan Sampel bagi Kaedah Temu Bual Mendalam	47
Rajah 3.7	Instrumen yang Diguna pakai dalam Perbincangan Kumpulan Berfokus	58
Rajah 3.8	Pemilihan Sampel bagi Perbincangan Kumpulan Berfokus	64

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 9 20-Feb-26 9:08:49 AM

Rajah 3.9	Instrumen yang Diguna pakai dalam Pemerhatian	75
Rajah 3.10	Pemilihan Sampel bagi Pemerhatian	76
Rajah 3.11	Kawasan Pemerhatian di Kawasan PBT yang Terlibat	82
Rajah 3.12	Elemen Pemerhatian Berstruktur yang Melibatkan Strategi 01 (5 Elemen) dan Strategi 02 (10 Elemen)	82
Rajah 3.13	Kawasan Pemerhatian Beserta Foto dan Pelan bagi Menggambarkan Penyediaan Elemen bagi Strategi 01 dan Strategi 02 PBS	88
Rajah 3.14	Analisis SWOT bagi Pemerhatian Berstruktur	91
Rajah 3.15	Analisis Cadangan Penambahbaikan PBS	109
Rajah 4.1	Model Kod-ke-Teori bagi Kajian Kualitatif	113
Rajah 4.2	Enam Peringkat Utama dalam Analisis Tematik bagi Menghasilkan Dapatan yang Konkrit Berdasarkan Braun dan Clarke (2006)	120
Rajah 4.3	Lapan Langkah Utama dalam Analisis Wacana	126
Rajah 4.4	Contoh Illustrasi daripada Penggunaan Perisian Atlas.Ti yang Menunjukkan Hubungkait antara Tema Berbeza	134

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 10 20-Feb-26 9:08:49 AM

SENARAI FOTO

Foto 3.1	Kompilasi Gambar Sesi IDI yang dijalankan di Peringkat Agensi	49
Foto 3.2	Kompilasi Gambar Semasa Sesi IDI yang Dijalankan di Peringkat Zon	55
Foto 3.3	FGD di Zon 1 (Negeri Johor)	72
Foto 3.4	FGD di Zon 2 (Negeri Sembilan dan Melaka)	72
Foto 3.5	FGD di Zon 3 (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang)	72
Foto 3.6	FGD di Zon 5 (Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)	72
Foto 3.7	FGD di Zon 4 (Negeri Perak)	73
Foto 3.8	FGD di Zon 6 (Negeri Terengganu dan Kelantan)	73
Foto 3.9	FGD di Zon 7 (Negeri Pahang)	73
Foto 3.10	FGD di Zon 8&9 (Negeri Sabah dan Labuan) Secara Virtual	74
Foto 3.11	Sesi Perbincangan Sebelum Program *Town Hall*	92
Foto 3.12	Aktiviti yang Dijalankan Semasa *Town Hall*	93

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 11 20-Feb-26 9:08:49 AM

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
CCTV	Kamera Litar Tertutup (*Closed Circuit Television*)
CIDB	*Construction Industry Development Board*
CPTED	Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran yang Selamat
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBKK	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
DBKU	Dewan Bandaraya Kuching Utara
GIS	*Geographic Information System*
FGD	Perbincangan Kumpulan Berfokus
IDI	*In-Depth Interview* / Temu Bual Mendalam
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPSOM	Institut Keselamatan Awam Malaysia
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
JPN	Jawatankuasa Penyelidikan Negeri
MBAS	Majlis Bandaraya Alor Setar
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
MBIP	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 13 20-Feb-26 9:08:49 AM

MBJB	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MBKT	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
MBK	Majlis Bandaraya Kuantan
MBKS	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
MBPG	Majlis Bandaraya Pasir Gudang
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MBS	Majlis Bandaraya Seremban
MBSP	Majlis Bandaraya Seberang Perai
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (Malaysia Crime Prevention Foundation)
MPAG	Majlis Perbandaran Alor Gajah
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MDB	Majlis Daerah Besut
MPD	Majlis Perbandaran Dungun
MPHTJ	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
MPJ	Majlis Perbandaran Jasin
MPK	Majlis Perbandaran Kangar
MPK	Majlis Perbandaran Kulim
MPK	Majlis Perbandaran Klang
MPK	Majlis Perbandaran Kemaman
MPKB	Majlis Perbandaran Kota Bahru
MPKP	Majlis Perbandaran Kubang Pasu
MPKJ	Majlis Perbandaran Kajang
MPM	Majlis Perbandaran Manjung

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 14 20-Feb-26 9:08:50 AM

MDM	Majlis Daerah Maran
MPM	Majlis Perbandaran Miri
MPP	Majlis Bandaraya Padawan
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPS	Majlis Perbandaran Sibu
MPSP	Majlis Perbandaran Sungai Petani
MPT	Majlis Perbandaran Taiping
MPTI	Majlis Perbandaran Teluk Intan
MPT	Majlis Perbandaran Temerloh
MPT	Majlis Perbandaran Tawau
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PBS	Program Bandar Selamat
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PL	Perbadanan Labuan
PP	Perbadanan Putrajaya
REC	*Research Ethics Committee*
RED	*Research Ethics Depository*
SWOT	*Strengths, Weaknesses, Opportunities, and Threats*
UiTM	Universiti Teknologi MARA

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 15 20-Feb-26 9:08:50 AM

PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Bandar bagi sesetengah individu merupakan tempat tinggal utama, ruang untuk mencari rezeki dan tempat untuk mencapai cita-cita. Bandar menjadi nadi bagi masyarakat, di mana pelbagai budaya bersatu, ekonomi berkembang maju, dan membuka peluang yang melimpah-ruah. Namun, bandar kadangkala membentuk persekitaran yang kompleks – ruang yang menjanjikan kesejahteraan, keselamatan, dan peluang namun tidak selalunya dapat direalisasikan untuk semua golongan. Bandar seharusnya menjadi kawasan di mana setiap individu berasa yakin untuk berjalan di waktu malam, menaiki kenderaan awam di awal pagi, atau meluangkan masa bersama komuniti setempat tanpa perlu berasa bimbang. Namun, realitinya keselamatan bandar bukanlah sekadar berasaskan statistik, polisi, dasar atau penglibatan pihak keselamatan; ia adalah mengenai kepentingan untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan setiap individu berasa selamat untuk menonjolkan keyakinan diri, bergerak bebas, dan berkembang maju.

Bandar yang selamat menjangkau lebih daripada aktiviti pencegahan jenayah, sistem pengawasan atau kehadiran pegawai penguatkuasa; ia adalah tentang bagaimana untuk memupuk semangat kekitaan dan kepercayaan. Ia melibatkan pemahaman tentang kejiranan, komuniti dan individu yang dinamik. Kandungan buku ini meneroka aspek keselamatan bandar yang sering diabaikan: 'menceritakan' secara terperinci pengalaman hidup individu dan komuniti yang mendiami bandar-bandar di Malaysia.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 17 20-Feb-26 9:08:50 AM

Melalui kaedah penyelidikan kualitatif seperti temu bual mendalam, perbincangan kumpulan berfokus, pemerhatian kawasan *blackspot*, *town hall*, dan penyelidikan yang berasaskan komuniti, buku ini membantu untuk menguraikan lapisan permasalahan ini. Apakah yang membuatkan seseorang berasa selamat di kawasan kejiranan mereka? Bagaimanakah individu daripada peringkat umur yang berbeza merasa selamat? Apakah faktor utama yang menimbulkan perasaan tidak selamat? Dan bagaimanakah masyarakat membayangkan masa depan bandar yang selamat dan inklusif? Ini merupakan antara soalan yang boleh dirungkaikan melalui penyelidikan kualitatif – soalan yang tidak hanya bersandarkan kepada angka semata-mata namun menekankan tentang empati, mendengar dan memahami pengalaman setiap individu. Ini kerana, Program Bandar Selamat (PBS) bukan sekadar menambah bilangan kamera litar tertutup atau meningkatkan rondaan polis; peranan utama PBS adalah memastikan setiap individu, tanpa mengira latar belakang, merasakan mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan keselamatan komuniti atau kawasan tempat tinggal mereka.

Justeru, buku ini diharapkan mampu memberi inspirasi kepada perancang bandar, penyelidik, penggubal dasar, dan individu untuk mempertimbangkan bagaimana untuk menyumbang idea dalam membentuk persekitaran bandar yang selamat. Dengan menggabungkan kepelbagaian idea, perspektif komuniti ke dalam perancangan dan pengukuran keselamatan bandar, tidak mustahil bandar yang selamat, inklusif dan berdayahuni untuk semua mampu dibentuk.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Penulis & Editor
Nadiyanti Mat Nayan
Nor Eeda Hj Ali
Siti Rasidah Md Sakip

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 18 20-Feb-26 9:08:50 AM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para tabi'in yang mengikut jejak langkah baginda Rasul SAW hingga ke hari kiamat.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, buku ini dapat diterbitkan. Ribuan ucapan terima kasih kepada komuniti yang sudi berkongsi cerita, dan memberikan maklum balas jujur mereka tentang perasaan rasa selamat. Melalui penglibatan aktif anda, sama ada semasa temu bual mendalam atau perbualan santai semasa pemerhatian kawasan *blackspot*, telah membantu merapatkan jurang antara rangka kerja teori dan aplikasi dunia sebenar. Keaslian pengalaman dan kesudian untuk memberikan pandangan kritikal tentang nuansa keselamatan bandar membuka ruang bagi penulis mendekati pendekatan Program Bandar Selamat di Malaysia. Sumbangan ini telah membolehkan pandangan yang lebih holistik tentang makna hidup dalam "*bandar selamat*", mengingatkan kita bahawa keselamatan bukan sahaja dengan tiadanya perlakuan jenayah, tetapi merangkumi kepercayaan, akses kepada sumber dan kesaksamaan sosial.

Ucapan terima kasih khas kepada para penyelidik, pihak berkuasa tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), perancang bandar, pegawai kerajaan tempatan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mempercayai kuasa penyelidikan kualitatif untuk membimbing perubahan positif dalam merekabentuk persekitaran bandar yang selamat. Usaha keras anda dalam mencipta bandar yang lebih selamat dan inklusif sememangnya memberi inspirasi dalam penulisan buku ini. Profesionalisme dan kepakaran anda

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 19 20-Feb-26 9:08:50 AM

memainkan peranan penting dalam menterjemahkan penemuan kualitatif kepada pandangan yang boleh diambil tindakan dalam aspek perancangan bandar dan pembangunan dasar. Buku ini terhasil sebagai bukti dedikasi yang dibawa untuk menangani isu keselamatan bandar yang kompleks dan berbilang dimensi.

Akhir sekali, ucapan terima kasih atas sokongan yang tidak ternilai daripada keluarga, dan rakan sekerja yang memberi dorongan kepada perjalanan penulisan buku ini. Setiap sokongan, dan idea, mengingatkan tentang kepentingan kerja yang dilakukan. Anda menjadi sumber motivasi yang berterusan, dan terima kasih atas kehadiran anda sepanjang perjalanan ini.

Penulisan buku ini mengingatkan kami bahawa perjalanan ke arah bandar yang lebih selamat dan berdaya tahan merupakan satu usaha yang kolektif. Melalui kerjasama komuniti, pakar dan pemimpin di setiap peringkat organisasi, ia dapat mengubah ruang bandar menjadi tempat di mana semua orang berasa selamat, dihargai dan tidak dipinggirkan. Buku ini adalah sumbangan kecil kepada usaha berterusan itu, dan kami berharap idea dan pandangan yang dikongsi dalam halaman ini akan terus memberi inspirasi dalam menzahirkan bandar yang lebih selamat dan mampan untuk generasi akan datang.

Terima kasih.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 20 20-Feb-26 9:08:50 AM

BAB 01

PENGENALAN: MEMAHAMI PENDEKATAN BANDAR SELAMAT

Secara umumnya, konsep Bandar Selamat bukan sekadar berasaskan kepada indeks jenayah yang rendah semata-mata. Konsep Bandar Selamat secara inklusifnya turut merangkumi keberjayaan dalam mewujudkan persekitaran dan suasana yang selamat. Bandar yang selamat meliputi persekitaran jalan raya, kawasan kejiranan, taman-taman awam, termasuklah ruang digital di mana masyarakat dapat menjalankan aktiviti harian tanpa berasa risau tentang ancaman keselamatan. Namun, perasaan selamat adalah berbeza bagi setiap individu. Bagi sesetengah individu, perasaan selamat dapat ditingkatkan dengan melibatkan aktiviti pencegahan jenayah; tetapi bagi individu lain, ia mungkin melibatkan penggunaan elemen-elemen utama seperti pencahayaan, ruang komuniti, atau kebergantungan terhadap kebolehsampaian sistem pengangkutan awam.

Di dalam persekitaran bandar yang selamat, setiap individu – tanpa mengira latar belakang – seharusnya sentiasa berasa selamat dan dilindungi. Ini bagi memastikan golongan wanita, kanak-kanak, warga emas, atau golongan kurang upaya mampu untuk bergerak dari satu destinasi ke destinasi yang lain sama ada untuk membeli-belah atau melawat tempat awam tanpa merasa takut atau risau akan keselamatan diri. Persekitaran yang selamat mampu mewujudkan komuniti yang boleh bekerjasama dan mencipta penyelesaian dalam menzahirkan persekitaran yang selamat

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 1 20-Feb-26 9:08:50 AM

BAB 02

ASAS TEORITIKAL BANDAR SELAMAT DALAM KONTEKS MALAYSIA

Keselamatan bandar merupakan kunci utama dalam pembentukan Bandar Selamat, dengan matlamat utamanya bukan sahaja untuk mengurangkan kadar jenayah tetapi juga menghasilkan persekitaran bandar yang inklusif, sejahtera, dan berdaya saing untuk semua golongan masyarakat. Di Malaysia, di mana pembangunan pesat sedang berlaku, kepelbagaian sosial, dan cabaran dalam aspek keselamatan menjadi semakin mencabar. Justeru, pembentukan Bandar Selamat menjadi semakin kompleks, dengan kepelbagaian isu yang memerlukan pendekatan yang dibina khusus dan berasaskan persekitaran bandar tersebut. Kerangka teoritikal membantu untuk kontekstualisasikan cabaran-cabaran ini, dan kaedah penyelidikan kualitatif membantu untuk menghasilkan dapatan yang lebih mendalam terutamanya yang melibatkan pengalaman individu dan komuniti setempat. Bab ini akan meneroka asas teoritikal dalam pembentukan Bandar Selamat dan aspek keselamatan bandar, yang dihubungkait dengan Program Bandar Selamat di Malaysia. Ini sekaligus menekankan kepentingan penyelidikan kualitatif dalam menyediakan dapatan yang boleh diambil kira dalam pembentukan dasar, polisi, program dan langkah-langkah intervensi dalam menyediakan persekitaran bandar yang lebih selamat untuk dihuni di Malaysia.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 17 20-Feb-26 9:08:51 AM

BAB 03

METODOLOGI DAN DAPATAN KAJIAN

Instrumen adalah alat yang digunakan untuk mengumpulkan data yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Instrumen kajian direka bentuk untuk mengumpul maklumat secara sistematik dan mengikut piawaian bagi memastikan data yang dikumpul adalah tepat, boleh dipercayai dan sah. Penentuan pemilihan sampel yang tepat sangat penting, bagi menentukan perolehan data yang sahih. Jenis pemilihan sampel ini memiliki teknik yang pelbagai dan pengguna bebas menggunakannya dengan pelbagai teknik yang sedia ada. Idealnya disesuaikan dengan kondisi tujuan, objektif penyelidikan mahupun aspek lain yang sekiranya mempengaruhi. Buku ini menerangkan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Kaedah kualitatif merupakan kajian yang mengguna pakai pandangan peserta dan menanyakan soalan lebih mendalam. Soalan yang dikemukakan terhadap Kajian Program Bandar Selamat di Malaysia pada tahun 2023 ini lebih kepada memahami fenomena utama, berdasarkan pengalaman, pengumpulan data berbentuk teks atau imej, melibatkan bilangan responden yang kecil dan penilaian yang fleksibel.

Terdapat sebanyak 46 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menerima peruntukan khas Program Bandar Selamat bagi melihat keberkesanannya. Rajah 3.1 menunjukkan taburan dan bilangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menerima peruntukan bagi Program Bandar Selamat bagi setiap negeri dari tahun 2017 hingga 2022.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 37 20-Feb-26 9:08:53 AM

BAB 04

KAEDAH ANALISIS DATA KUALITATIF BAGI KAJIAN BANDAR SELAMAT

Penyelidikan berkaitan keselamatan bandar merupakan antara bidang kritikal yang bergantung pada kaedah kualitatif untuk meneroka data mengenai nuansa, pengalaman dan pendapat individu serta komuniti tentang persekitaran bandar yang didiami mereka. Dalam konteks keselamatan bandar di Malaysia, kaedah penyelidikan kualitatif seperti temu bual mendalam bersama pihak pembuat dan penggubal dasar, perbincangan kumpulan berfokus bersama wakil komuniti, pihak berkepentingan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT), pemerhatian kawasan *blackspot*, dan sesi *town hall* membuka ruang penemuan yang berharga tentang faktor-faktor yang mempengaruhi aspek keselamatan bandar.

Bab ini akan membincangkan bagaimana pengumpulan data kualitatif melalui empat kaedah metodologi ini boleh dianalisis secara efektif, menggunakan pelbagai teknik seperti pengekodan (*coding*) dan pengkategorian (*categorization*), analisis tematik (*thematic analysis*), analisis wacana (*discourse analysis*), dan penggunaan perisian komputer. Pemilihan strategi untuk kaedah analisis data adalah perlu untuk memahami kekompleksan isu berkaitan bandar selamat dalam membentuk dasar yang lebih terangkum bagi Program Bandar Selamat di Malaysia.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 111 20-Feb-26 9:09:02 AM

BAB 05

RUMUSAN

Rakyat perlu berasa selamat untuk tinggal di Negara ini. Oleh itu, keselamatan rakyat merupakan keutamaan kerajaan. Keselamatan merupakan keadaan atau perasaan selamat dan sejahtera daripada ancaman fizikal, sosial dan mental yang melibatkan harta benda dan peribadi yang tidak diingini. Rakyat perlu sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera dan ceria. Justeru, amanah menjaga keselamatan Negara bukanlah semata-mata menjadi tanggungjawab kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak samada rakyat dan pihak kerajaan perlu berusaha memastikan Negara yang kita diami ini benar-benar selamat.

Konsep Bandar Selamat bukanlah satu perkara yang baru, telah diperkenalkan sejak 1980-an lagi di United Kingdom dengan tujuan untuk mencegah kejadian jenayah yang semakin serius berlaku di bandar-bandar (Crawford, 1998). Matlamat utama mewujudkan bandar yang selamat adalah bagi mewujudkan bandar yang bebas dari keganasan (*violence*) merosakkan harta benda dan nyawa seperti gejala ragut, pecah rumah, kecurian; mewujudkan bandar yang bebas dari kemusnahan dan malapetaka akibat dari bencana alam seperti banjir, tanah runtuh; mewujudkan bandar yang bebas dari kemerosotan sosial dan moral seperti penagihan dadah, kecurian; dan bandar yang bebas dari kemalangan dalam dan luar bangunan seperti kemalangan jalan raya, jatuh dari bangunan, kebakaran dan sebagainya. Justeru, kerajaan telah mengambil

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 139 20-Feb-26 9:09:05 AM

BIBLIOGRAFI

Ali, N. E. (2007). Pembangunan Komuniti di dalam Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat Kajian Kes: Bukit Jelutong, Seksyen U8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Universiti Teknologi Malaysia

Berg, B.L. (2004). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. 5th Edition, Pearson Education, Boston.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, *3*(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Bryman, A. (2008). *Social Research Methods*. 3rd Edition, Oxford University Press., New York.

Crawford, A. (1998). *Crime Prevention and Community Safety: Politics, Policies and Practices*. Longman.

Gill, R. (2000). Discourse analysis. In M. Bauer & G. Gaskell (Eds.), *Qualitative researching with text, image and sound: A practical handbook*. London: Sage.

Kitzinger. (1995). *Qualitative Research. Introducing Focus Groups*. PMID: 7633241 PMCID: PMC2550365 DOI: 10.1136/bmj.311.7000.299.

Morgan, D. L. (1996). Focus Groups. Annual Review of Sociology, 22, 129-152. Retrieved from http://dx.doi.org/10.1146/annurev.soc.22.1.129

Mwita, K. (2022). Strengths and weaknesses of qualitative research in social science studies. *International Journal of Research*

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 143 20-Feb-26 9:09:05 AM

in Business and Social Science, *11*(6), 618–625. https://doi.org/10.20525/ijrbs.v11i6.1920.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang (2006). *Akta Rahsia Rasmi 1972 (AKta 88)*. Malaysia Di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama Dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

PLANMalaysia. (2024). Garis Panduan Bandar Selamat. Retrieved from https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Ranacangan/program_bandar_selamat/panduan_bandar_selamat/BUKU_PBS_EDISI_KE_2.pdf

PLANMalaysia. (2024). *Program Bandar Selamat*. PLAN Malaysia. https://jpbd.johor.gov.my/ index.php/program-bandar-selamat

PLANMalaysia. (2024). Reka Bentuk Bandar Selamat Panduan Pelaksanaan. Retrieved from https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Ranacangan/program_bandar_selamat/panduan_bandar_selamat/Panduan_Pelaksanaan_Crime_Prevention_Through_Environmental_Design_(CPTED)_-_Implementation_Guide.pdf

Rosala M. & Moran K. (2022), *The Funnel Technique in Qualitative User Research, 2022*. Retrieved from https://www.nngroup.com/articles/the-funnel-technique-in-qualitative-user-research/

Saldaña, J. (2016). *The Coding Manual for Qualitative Researchers*. (2nd ed.). Sage.

Vaughan, T.J., Williams, A.J., Pritchard, K., Osbourn, J.K., Pope, A.R., Earnshaw, J.C., McCafferty, J., Hodits, R.A., Wilton, J., and Johnson, K.S. (1996). *Human antibodies with sub-nanomolar affinities isolated from a large non-immunized phage display library.* Retrieved from https://doi.org/10.1038/nbt0396-309.

Memahami PBS di Malaysia melalui Pendekatan Kualitatif.indd 144 20-Feb-26 9:09:05 AM

Memahami Program

BANDAR SELAMAT

di Malaysia Melalui Pendekatan Kualitatif

Apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan bandar yang selamat? Dalam era pembangunan pesat, persekitaran bandar bukan sahaja perlu selamat, malah inklusif dan mesra pengguna. Rasa selamat tidak harus ditakrifkan semata-mata melalui kadar jenayah atau rondaan polis, tetapi melalui keupayaan bandar mewujudkan ruang di mana setiap individu berasa dilindungi, didengari dan dihargai. MEMAHAMI PROGRAM BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN KUALITATIF mengetengahkan kepentingan suara komuniti setempat dalam membentuk persekitaran bandar yang benar-benar selamat dan berdayahuni.

Melalui kaedah penyelidikan kualitatif seperti temu bual mendalam, perbincangan kumpulan berfokus, pemerhatian kawasan *blackspot* dan sesi *town hall*, buku ini menekankan bahawa Program Bandar Selamat tidak boleh bersifat *one-size-fit-all*. Sebaliknya, ia perlu dibangunkan berdasarkan keperluan dan pengalaman unik setiap komuniti, dengan menggabungkan pendekatan *top-down* dan *bottom-up* bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya.

Buku ini turut menawarkan pandangan praktikal kepada pihak berkuasa tempatan, penyelidik dan penggubal dasar dalam mengadaptasi kaedah kualitatif untuk memahami faktor sosial, persekitaran dan psikologi yang membentuk persepsi keselamatan masyarakat. Dengan menggalakkan pemikiran di luar pendekatan konvensional, buku ini menegaskan bahawa bandar yang selamat hanya dapat direalisasikan apabila empati, kolaborasi dan kesaksamaan dijadikan teras perancangan bandar. Justeru, MEMAHAMI PROGRAM BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA MELALUI PENDEKATAN KUALITATIF memberi inspirasi dalam memikirkan semula reka bentuk bandar yang bukan sahaja selamat dari segi konsep, tetapi juga diamalkan, beridentiti setempat, serta menyokong kesejahteraan sosial dan psikologi semua golongan masyarakat.

UTHM Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ISBN 978-629-490-280-0

PENERBIT UTHM